

1. Promosi ini terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit Visa/Mastercard Bank Simpanan Nasional ("Bank") yang baru dan sedia ada dengan akaun kad kredit yang sah.
This Promotion is open to all new and existing Visa/Mastercard Cardmembers ("the Cardmember") of Bank Simpanan Nasional ("the Bank") with a valid credit card account.
 2. Produk yang ditawarkan di dalam promosi ini adalah dibekalkan oleh Rakan Niaga yang diberi kuasa ("Rakan Niaga"). Bank hanya menyediakan perkhidmatan pembayaran bagi produk melalui penggunaan Kad Kredit Visa/ Mastercard Pelan EasyPay ("EPP"). EPP bermaksud pelan bayaran balik ansuran bulanan tanpa faedah/yuran pengurusan sebenar.
The product offered in this Promotion is supplied by the Authorised Merchant ("Authorised Merchant"). The Bank is only providing the means of payment for the goods via the usage of the Bank's Visa/Mastercard EasyPay Plan ("EPP"). EPP refers to a zero interest/actual management fee monthly repayment plan.
 3. Ahli Kad dikendaki memilih tempoh pembayaran ansuran bulanan iaitu tempoh 6 bulan sehingga 36 bulan yang Rakan Niaga dan bank tetapkan dari semasa ke semasa. Pembelian produk adalah bergantung kepada had kredit Ahli Kad di dalam akaun kad kredit. Pihak Bank berhak untuk menolak permohonan tanpa memberi sebarang alasan apapun dan keputusan Bank adalah muktamad dan konklusif.
Cardmember(s) is required to select tenure of the monthly instalment plan from 6 months up to 36 months prescribed by the Authorised Merchant and the Bank from time to time. Purchase of the product(s) is subject to the Cardmember's available credit limit in the credit card account. The Bank reserves the right to reject applications without giving any reason thereof and the Bank's decision is final and conclusive.
 4. Ahli Kad yang mempunyai sebarang akaun dengan BSN yang dipercayai telah dioperasikan secara penipuan atau tidak sah, telah digantung, ditutup, dibatalkan, delinkuen atau Ahli Kad yang telah melanggar mana-mana perjanjian mereka dengan BSN tidak layak untuk permohonan Pelan 0% EasyPay BSN.
A Cardholder whose accounts with BSN that are believed to have been operated fraudulently or which have been invalidated, suspended, closed, cancelled, delinquent or a Cardholder who has been in breach of any of their agreement with BSN is not eligible to apply for BSN 0% EasyPay Plan.
 5. Tertakluk kepada sebarang perubahan, Ahli Kad hendaklah memenuhi jumlah minimum pembelian sebanyak RM500 dalam satu transaksi untuk layak memohon EPP. Pihak Bank berhak untuk mengubah atau menukar jumlah minimum sepertimana yang difikirkan sesuai, dengan notis.
Subject to any changes, the Cardmember must meet the minimum amount of RM500 for any purchase in a single transaction to qualify for EPP. The Bank reserves to vary or change the minimum amount as it deems fit, with notice.
 6. Pelaksanaan perkhidmatan hendaklah diuruskan di antara Ahli Kad dan Rakan Niaga secara terus dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, kehilangan, perbelanjaan atau kerosakan yang timbul dari penggunaan atau pembelian barangan oleh Ahli Kad di bawah promosi ini.
Fulfilment of services shall be managed directly between the Cardmember and the Authorised Merchant and the Bank shall not be responsible for any claims, loss, expenses incurred or damages arising from the Cardmember's use or any purchase of goods under this promotion.
 7. Ahli Kad tidak boleh menamatkan, mengembalikan atau menukar barangan yang telah dibeli setelah EPP diluluskan. Pihak Bank tidak akan melayan mana-mana permintaan untuk membatalkan permohonan atau pengembalian produk sekiranya permohonan telah berjaya.
Upon approval of the EPP, the Cardmember shall not terminate, seek a refund or change any goods purchased. The Bank shall not entertain any request for cancellation of the order or return of goods upon approval of the application by the Bank.
-

8. Setelah permohonan diluluskan, Bank akan mendebitkan ansuran bulanan dari akaun kad kredit Ahli Kad pada setiap bulan dalam tempoh sebagaimana yang dipersetujui dengan ansuran pertama bermula pada penyata bulanan seterusnya. Had kredit Ahli Kad yang sedia ada dalam akaun kad kredit akan dikurangkan setara dengan jumlah ansuran bulanan dan had kredit akan dimasukkan kembali setelah pembayaran ansuran bulanan dibuat.
Upon approval of the application, the Bank will debit the Cardmember's credit card account with the monthly instalment payable on a monthly basis, for the duration as stipulated with the first instalment commencing on the next monthly statement due. The Cardmember's available credit limit in the credit card account shall be reduced by the amount of monthly instalment due and for each monthly instalment paid, the amount equivalent to such instalment shall be restored to the Cardmember's available credit limit.
 9. Ahli Kad boleh membuat (a) bayaran penuh ansuran bulanan yang dinyatakan oleh Bank pada masa EPP dilakukan, iaitu semasa pembelian, atau seperti yang dinyatakan dalam penyata kad kredit bulanan, atau (b) sebahagian pembayaran ansuran bulanan.
The Cardmember may make (a) full payment of the monthly instalment specified by the Bank at the time the EPP is entered into, which is at the point of purchase, or as indicated in the monthly credit card statement, or (b) a partial payment of the monthly instalment.
 10. EPP adalah bebas daripada dikenakan sebarang caj faedah/yuran pengurusan sebenar hanya sekiranya Ahli Kad menyelesaikan ansuran bulanan sepenuhnya.
The EPP is free from interest/actual management fee only if the Cardmember settles the monthly instalment in full.
 11. Jika Ahli Kad memilih untuk membuat jumlah bayaran yang minima iaitu lima peratus (5%) daripada jumlah baki tertunggak di bawah EPP atau Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50), yang mana lebih tinggi dan bukan ansuran bulanan sepenuhnya, Ahli Kad akan dikenakan caj faedah/yuran pengurusan sebenar ke atas baki tertunggak mengikut terma-terma di dalam Perjanjian Pemegang Kad.
In the event the Cardmember opts to pay the minimum amount of five percent (5%) of the balance remaining unpaid under the EPP or Ringgit Malaysia Fifty (RM50), whichever is higher, instead of the monthly instalment in full, the Cardmember will be liable for the interest/actual management fee on the outstanding balance.
 12. Kegagalan Ahli Kad membuat bayaran seperti yang dinyatakan akan menyebabkan Ahli Kad dikenakan caj faedah/yuran pengurusan sebenar ke atas baki tertunggak mengikut terma-terma di dalam Perjanjian Pemegang Kad.
Failure to make any payment will result in the Cardmember being subject to interest/actual management fee on the outstanding balance in accordance with the terms of Cardholder Agreement.
 13. Pihak Bank mempunyai hak mutlak dan budi bicara pada bila-bila masa untuk menggantung selama-lamanya, membatalkan dan/atau menamatkan kemudahan EPP Ahli Kad dengan memberi notis sekurang-kurangnya 21 hari sebelum penggantungan, pembatalan dan/atau penamatan tersebut berkuat kuasa di mana dengan itu semua ansuran bulanan tertunggak akan menjadi terhutang dan perlu dibayar apabila dituntut. Semua ansuran bulanan yang tertunggak akan dinyatakan di dalam penyata bulanan Ahli Kad dan Ahli Kad hendaklah membayar tunggakan tersebut berdasarkan kepada peruntukan Perjanjian Ahli Kad, yang mana sekiranya gagal, Bank berhak menggunakan hak-haknya di bawah Perjanjian Pemegang Kad.
The Bank reserves the absolute right and discretion at any time to suspend indefinitely, cancel and/or terminate the Cardmember's EPP facility with at least 21 days' notice prior to such suspension, cancellation and/or termination to take effect whereupon all outstanding monthly instalments shall immediately become due and payable upon demand. All such outstanding instalments will be shown in the Cardmember's monthly statement and the Cardmember shall pay the same in accordance with the provisions of the Cardholder's Agreement, in default of which, the Bank shall be entitled to exercise its rights under the Cardholder's Agreement.
-

14. Sebarang pemulangan produk oleh Ahli Kad kepada Rakan Niaga hendaklah tertakluk kepada terma pemulangan produk yang telah ditetapkan oleh Rakan Niaga.
Any return of product by Cardmember to the Authorised Merchant shall be subject to the Authorised Merchant's term for return for goods.
 15. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa barang yang tidak mencukupi, cacat atau rosak atau sebarang pertikaian di antara Ahli Kad dan Rakan Niaga dan pihak Bank telah diberi kuasa untuk terus mendebit ansuran ke akaun kad kredit Ahli Kad tanpa mengambil kira apa-apa barang yang tidak mencukupi, cacat atau rosak atau sebarang pertikaian tersebut. Dalam apapun keadaan, sekiranya Bank dijadikan suatu pihak kepada pertikaian itu dan jika mana-mana pihak melanggar terma ini, Bank hendaklah ditanggung rugi sepenuhnya bagi apa-apa kos, perbelanjaan atau ganti rugi yang berbangkit daripadanya.
The Bank shall not be liable for any inadequate, defective or damaged goods or be responsible for any dispute between the Cardmember and the Authorised Merchant and the Bank is authorized to continue to debit the instalment to the Cardmember's credit card account regardless of any such inadequate, defective or damaged goods or dispute. In no event should the Bank be made a party to such dispute and if any party breach this term, the Bank shall be fully indemnified for any costs, expenses or damages arising therefrom.
 16. Terma dan syarat ini adalah tambahan kepada Perjanjian Pemegang Kad yang mengawal peruntukan kemudahan kad kredit oleh Bank kepada Ahli Kad. Sekiranya terdapat percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan Perjanjian Pemegang Kad, terma dan syarat-syarat ini hendaklah diterima pakai setakat mana yang ianya terpakai bagi promosi ini.
These terms and conditions are in addition to the Cardholder's Agreement which regulates the provision of the credit card facility by the Bank to the Cardmember. In the event of inconsistency between the terms and conditions herein and the Cardholder's Agreement, these terms and conditions shall prevail in so far as they apply to this promotion.
 17. Bank dan Rakan Niaga berhak untuk membatalkan, mengubah atau menggantikan mana-mana bahagian promosi melalui pemakluman sekurang-kurangnya 21 hari sebelum pembatalan, perubahan atau penggantian tersebut berkuat kuasa.
The Bank and the Authorised Merchant reserves the right to cancel, change or substitute any part of the promotion by notification at least 21 days prior to such cancellation, change or substitution takes effect.
 18. Semua pembelian di bawah promosi ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat-syarat EPP. Walau bagaimanapun, Ahli Kad di bawah promosi ini hendaklah dikecualikan daripada apa-apa bayaran pengendalian.
All purchases under this promotion are subject to the Bank's EPP terms and conditions. However, the Cardmembers under this promotion shall be exempted from any handling fee.
 19. Ahli Kad adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan promosi ini.
Cardmembers shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this promotion.
 20. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiannya atau sebaliknya, berkaitan dengan promosi ini.
In no events will BSN be responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the promotion..
-

21. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai promosi ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkiran obligasi di bawah promosi ini ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN.
BSN shall not be responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Cardmembers resulting, directly or indirectly, from participation in the promotion or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under the promotion due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of BSN.
22. Dengan menyertai dalam promosi ini Ahli Kad dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya, untuk menggunakan Data Peribadi dan Butiran Penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen ini.
By participating in this promotion, the Cardmembers hereby voluntarily gives express consent to BSN and/or its affiliates, to use the Personal Data and Participation Details as provided to BSN for the purposes of this promotion.
23. Cardmemebers mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:
Cardmembers have the right at any time to:
- Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
Withdraw their consent for the use of Personal Data;
 - Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
Request for any correction/update of Personal Data; and
 - Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN.
Raise any questions regarding the use of Personal data by contacting BSN.
24. Ahli Kad bersetuju dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, untuk tujuan Kempen ini selaras dengan Notis Privasi BSN, yang boleh didapati di Laman Web BSN.
Cardmembers agree and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any, for the purposes of this promotion in accordance with BSN's Privacy Notice, which may be viewed on BSN's website.
25. Ahli Kad dinasihatkan untuk menyemak dengan Rakan Niaga berkaitan syarat jaminan dan tempoh jaminan. Bank tidak akan membuat sebarang representasi atau waranti berkenaan dengan produk khususnya, kebolehdagangan, kualiti, kesesuaian untuk digunakan dan semua perkhidmatan sampingan. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkhidmatan dan pembaikan produk, Ahli Kad hendaklah menghubungi Rakan Niaga secara terus.
The Cardmember is advisable to check with the Authorised Merchant on the condition of the warranty and the warranty period. The Bank makes no representative or warranty in respect of the product(s) in particular, its merchantability, quality, suitability for use and all ancillary services. For any query regarding services and repairs of the products, the Cardmembers shall contact the Authorised Merchant directly.
26. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF TERMS AND CONDITIONS-
